



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN TERHADAP POTENSI BUSKING SEBAGAI AKTIVITI PENGAYAAN BAGI MENGEMBANGKAN KEMAHIRAN PERSEMBAHAN MUZIK BERDASARKAN PENDEKATAN KONTEKSTUAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUSNIL AMIN BIN ZAKARIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KAJIAN TERHADAP POTENSI BUSKING SEBAGAI AKTIVITI PENGAYAAN
BAGI MENGEMBANGKAN KEMAHIRAN PERSEMBAHAN MUZIK
BERDASARKAN PENDEKATAN KONTEKSTUAL**

HUSNIL AMIN BIN ZAKARIA



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021






Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN
SISWAZAH PERAKUAN
KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ... 12(hari bulan)..... 10 (bulan) 2021.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, HUSNIL AMIN BIN ZAKARIA (M20182002081) FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk KAJIAN TERHADAP POTENSI BUSKING SEBAGAI AKTIVITI PENGAYAAN
BAGI MENGEMBANGKAN KEMAHIRAN PERSEMBAHAN MUZIK BERDASARKAN PENDEKATAN
KONTEKSTUAL adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan
dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang
mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:


Saya, PROFESSOR ZAHARUL LAILIDDIN BIN SAIDON (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KAJIAN TERHADAP POTENSI
BUSKING SEBAGAI AKTIVITI PENGAYAAN BAGI MENGEMBANGKAN KEMAHIRAN
PERSEMBAHAN MUZIK BERDASARKAN PENDEKATAN KONTEKSTUAL

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian
Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK (SILA NYATAKAN
NAMA IJAZAH).

12/10/2021

Tarikh



Tandatangan Penyelia

PROFESSOR ZAHARUL LAILIDDIN BIN SAIDON
Pengarah
Pusat Antarabangsa dan Multibahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak Darul Ridzuan



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KAJIAN TERHADAP POTENSI BUSKING SEBAGAI AKTIVITI PENGAYAAN BAGI
MENGEMBANGKAN KEMAHIRAN PERSEMBAHAN MUZIK BERDASARKAN PENDEKATAN
KONTEKSTUAL.

No. Matrik / Matric's No.: M20182002081

Saya / I: HUSNIL AMIN BIN ZAKARIA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 12 / 10 / 2021

PROFESOR ZAMARI LAILUNIN BIN SAMIN
Pengeran
Pusat Antarabangsa dan Modulu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Pekan Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur saya panjatkan kehadiran Allah S.W.T, kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Hal ini tiada lain kerana berkat doa kedua ibu bapa saya iaitu Tuan Haji Zakaria Bin Salleh dan Puan Hajah Suaibatul Aslammiah Binti Mohammad. Jutaan terima kasih anakanda ucapkan atas segala doa dan restu. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih ini ditujukan buat isteri tercinta iaitu Puan Nur Fatin Najla Binti Zamhuri yang tidak putus-putus memberi sokongan sepanjang pengajian saya. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Professor Zaharul Lailiddin Bin Saidon atas bimbingan dan seliaan yang diberikan tanpa berbelah bahagi dari awal penyelidikan bermula hingga ke akhir pengajian saya. Hanya Allah yang mampu membalas segala jasa dan kebaikan yang telah ditaburkan selama ini. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah yang sudi berkongsi ilmu, pengalaman dan pengetahuan sepanjang saya melakukan penyelidikan. Tidak ketinggalan rakaman terima kasih ini saya tujukan kepada rakan seperjuangan saya iaitu saudara Nazimin Bin Nazeri yang sentiasa memberi semangat, dorongan serta bantuan kepada saya sepanjang pengajian saya di universiti. Akhir kata, ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberi cadangan dan bantuan dalam menyiapkan penyelidikan ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menjelaskan potensi *busking* sebagai aktiviti pengayaan bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik berdasarkan lapan komponen pendekatan kontekstual. Terdapat dua objektif kajian iaitu mengenal pasti kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking* dari aspek muzikal dan bukan muzikal seterusnya menjelaskan potensi *busking* sebagai aktiviti pengayaan bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik berdasarkan lapan komponen pendekatan kontekstual. Pendekatan kualitatif digunakan untuk tujuan kajian ini dengan melibatkan empat kaedah pengumpulan data iaitu temu bual pra dan pasca-*busking*, temu bual kumpulan fokus, pemerhatian dan nota lapangan. Kajian ini melibatkan 4 orang pelajar diploma Kursus Aplikasi Muzik yang bertindak sebagai subjek serta informan dan 4 orang informan yang merupakan tenaga pengajar Kursus Aplikasi Muzik. Analisis terhadap data yang diperolehi menunjukkan bahawa aktiviti *busking* dapat memperkembangkan pelbagai kemahiran persembahan merangkumi aspek muzikal dan bukan muzikal. Antara aspek muzikal yang dapat diperkembangkan ialah kemahiran bermain, penguasaan kualiti ton, penguasaan genre lagu, penguasaan stail lagu, ekspresi, kreativiti, adaptasi dan interpretasi. Manakala aspek bukan muzikal yang dapat diperkembangkan ialah pengurusan persembahan, komunikasi, persona diri, kerjasama dan kawalan mental. Analisis terhadap data juga mendapati bahawa aktiviti *busking* berpotensi dijadikan sebagai aktiviti pengayaan kerana memenuhi objektif program pengayaan iaitu dapat mengasah bakat pelajar, dapat memupuk minat belajar, dapat memperkembangkan kemahiran dan meningkatkan pencapaian.





A STUDY OF THE POTENTIAL OF BUSKING AS AN ENRICHMENT ACTIVITY FOR DEVELOPING MUSIC PERFORMANCE SKILLS BASED ON A CONTEXTUAL APPROACH

ABSTRACT

This study aims to explain the potential of busking as an enrichment activity to develop music performance skills based on the eight components of contextual approach. There are two objectives of the study which is to identify music performance skills that can be developed through busking activities from musical and non musical aspects and to describe the potential of busking as an enrichment activity to develop music performance skills based on the eight components of contextual approach. A qualitative approach was used for the purpose of this study by involving four methods of data collection namely pre and post-busking interviews, focus group discussions, observations and field notes. This study involved 4 diploma students from the Music Application Course who acted as subjects as well as informants and another 4 informants who are music tutors of the Music Application Course. Analysis shows that busking activities can develop various performance skills including musical and non musical aspects. Among the musical performance skills from the musical aspect that can be developed are playing skills, mastery of tone quality, mastery of song genre, mastery of song style, expression, creativity, adaptation and interpretation. Meanwhile the non musical aspects that can be developed are performance management, communication, personality, cooperation and mental control. Analysis of the data also found that busking activity has the potential to be used as an enrichment activity because it fulfills the objectives of the enrichment program that is to develop students talent, cultivate interest in learning, develop skills and improve achievement.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGHARGAAN	iii
--------------------	-----

ABSTRAK	iv
----------------	----

ABSTRACT	v
-----------------	---



KANDUNGAN	vi
------------------	----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar belakang kajian	4
-----	-----------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	6
-----	--------------------	---





1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	17
1.8	Batasan Kajian	18
1.9	Definisi Istilah	19
1.9.1	Potensi	19
1.9.2	<i>Busking</i>	19
1.9.3	Pengayaan	20
1.9.4	Kemahiran Persembahan	20
1.9.5	Kemahiran Muzikal	20
1.9.6	Kemahiran Bukan Muzikal	21
1.9.7	Kontekstual	21
1.10	Rumusan	21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Kemahiran Persembahan Muzik	23





2.3	<i>Busking</i>	30
2.4	Konsep Pengayaan	35
2.5	Pendekatan Kontekstual	41
2.6	Lapan Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Kontekstual	45
2.6.1	Membuat hubungan bermakna (<i>Making meaningful connection</i>)	45
2.6.2	Melakukan kerja penting (<i>Doing significant work</i>)	46
2.6.3	Mengawal selia pembelajaran sendiri (<i>Self-regulated learning</i>)	47
2.6.4	Kerjasama (<i>Collaborating</i>)	48
2.6.5	Pemikiran kritis dan kreatif (<i>Critical and creative thinking</i>)	49
2.6.6	Memupuk individu (<i>Nurturing the individual</i>)	50
2.6.7	Mencapai standard yang tinggi (<i>Reaching high standards</i>)	52
2.6.8	Menggunakan penilaian autentik (<i>Using authentic assessment</i>)	54
2.7	Kaitan Pengajaran Dan Pembelajaran Kontekstual Dengan <i>Busking</i>	55
2.8	Rumusan	60

BAB 3 METADOLOGI

3.1	Pendahuluan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	62



3.3	Subjek Kajian	64
3.3.1	Subjek Pertama	65
3.3.2	Subjek Kedua	66
3.3.3	Subjek Ketiga	67
3.3.4	Subjek Keempat	68
3.4	Informan	69
3.4.1	Informan Pertama	69
3.4.2	Informan Kedua	70
3.4.3	Informan Ketiga	71
3.4.4	Informan Keempat	72
3.5	Lokasi Kajian	73
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	74
3.6.1	Pemerhatian	75
3.6.2	Temu bual	76
3.6.3	Nota Lapangan	79
3.6.4	Temu Bual Kumpulan Fokus	80
3.7	Instrumen Kajian	81
3.7.1	Panduan Pemerhatian	81
3.7.2	Soalan Temu Bual	83



3.7.3	Nota Lapangan	83
3.7.1	Panduan Temu Bual Kumpulan Fokus	84
3.8	Prosedur Menganalisis Data	84
3.9	Kesahan	86
3.9.1	Triangulasi (Triangulasi Data)	87
3.10	Kajian Rintis	88
3.11	Rumusan	90
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	91
	Kod tema dapatan kajian	93
4.2	Kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti <i>busking</i> dari aspek muzikal dan bukan muzikal.	95
4.2.1	Kemahiran Persembahan Muzik dari aspek Muzikal	96
4.2.2	Kemahiran Persembahan Muzik dari aspek bukan muzikal.	107
4.2.3	Jadual Kemahiran Persembahan Muzik dari aspek muzikal dan bukan muzikal	122
4.3	Potensi <i>busking</i> sebagai aktiviti pengayaan dalam mengembangkan kemahiran persembahan muzik berdasarkan lapan komponen pendekatan kontekstual.	123
4.3.1	Membuat hubungan bermakna	123
4.3.2	Melakukan kerja penting	126
4.3.3	Mengawal selia pembelajaran sendiri	128
4.3.4	Kerjasama	131
4.3.5	Pemikiran kreatif dan kritis	132



4.3.6	Memupuk individu	136
4.3.7	Mencapai standard tinggi	138
4.3.8	Menggunakan penilaian autentik	140
4.3.9	Jadual potensi <i>busking</i> sebagai aktiviti pengayaan bagi meningkatkan kemahiran persembahan muzik berdasarkan lapan komponen kontekstual.	142
BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN		
5.1	Pengenalan	149
5.2	Rumusan	150
5.2.1	Kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti <i>busking</i> dari aspek muzikal dan bukan muzikal.	152
5.2.2	Potensi <i>busking</i> sebagai aktiviti pengayaan dalam mengembangkan kemahiran persembahan muzik berdasarkan lapan komponen pendekatan kontekstual.	167
5.3	Perbincangan	177
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	181
5.5	Penutup	181
RUJUKAN		183
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
4.1 Kod Dapatan Kajian	93
4.2.3 Jadual Kemahiran Persembahan Muzik Aspek Muzikal Dan Bukan Muzikal	122
4.3.9 Jadual Potensi <i>Busking</i> Sebagai Aktiviti Pengayaan Bagi Meningkatkan Kemahiran Persembahan Muzik Berdasarkan Lapan Komponen Kontekstual	142



SENARAI RAJAH

No Jadual

Muka Surat

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

12





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Persembahan merupakan satu seni yang mempunyai skop yang sangat luas. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), persembahan bermaksud hadiah kepada raja atau orang-orang yang lebih tinggi martabatnya atau sesuatu yang dipertunjukkan seperti pementasan, filem dan lain-lain. Hal ini memberi makna bahawa aktiviti persembahan ini





telah lama wujud sejak berzaman lagi, bermula persembahan yang dipertunjukkan kepada golongan atasan sehinggalah kepada golongan bawahan. Umum mengetahui bahawa fungsi persembahan adalah bertujuan sebagai satu bentuk hiburan tanpa mengira umur, latar belakang mahupun jantina. Hal ini kerana persembahan dan hiburan adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan.

Foss, Carr dan Thomas (2011) menjelaskan bahawa aktiviti persembahan yang tertua merupakan persembahan nyanyian secara solo. Aktiviti persembahan ini berkembang sehingga muncul pemuzik-pemuzik berbakat dan seterusnya terbentuk ensembel muzik. Persembahan orkestra pertama dalam sejarah dunia dipertontonkan pada awal abad ke-17. Penampilan orkestra pertama itu dipersembahkan pada tahun 1615, menampilkan persembahan muzik karya Giovanni Gabrieli ; *Sacrae Symphoniae*. Perkara ini memberi gambaran bahawa nyanyian merupakan asas kepada persembahan muzik dan kemuncaknya ialah persembahan orkestra.

Sehingga kini, persembahan muzik berkembang pesat dari semasa ke semasa. Persembahan muzik sekarang boleh dilihat dimana sahaja bermula dari majlis makan malam keluarga, perayaan, ritual, sehingga persembahan besar seperti konsert (Ramnarine,2013). Para pengkaji yang terdiri dari ahli akademik hinggalah para penggiat seni masing-masing bertungkus lumus ingin mengembangkan lagi aktiviti persembahan





terutamanya persembahan dalam bidang muzik. Gordon (2006) menegaskan bahawa setiap pemuzik harus mempunyai ilmu dan matlamat yang jelas sebelum membuat apa-apa persembahan. Dalam usaha untuk memajukan bidang seni ini, banyak perkara yang perlu dikuasai agar persembahan dapat dipamerkan dengan kualiti yang baik. Oleh sebab itu, pendidikan merupakan cara yang paling ampuh untuk mengekalkan dan membawa perkembangan yang positif kepada dunia persembahan terutamanya dunia persembahan muzik.

Pendidikan menyediakan ilmu dan kemahiran yang perlu dikuasai untuk menjadi pemuzik yang mahir dalam persembahan. Menjadi seorang pemuzik yang hebat haruslah memiliki ilmu yang mantap dan berkemahiran dalam selok belok persembahan. Menurut Williamon (2004), pengetahuan yang benar terhadap ilmu kemahiran persembahan muzik dapat menjadikan seseorang individu berubah daripada *zero-to-hero*. Ini memberi gambaran bahawa setiap individu mampu menjadi pemuzik yang hebat apabila memiliki ilmu kemahiran dalam persembahan muzik. Klickstein (2007) mengatakan bahawa persembahan muzik bukan sekadar bermain muzik, ianya lebih daripada itu. Oleh yang demikian, pengetahuan tentang kemahiran persembahan muzik seharusnya dikuasai oleh semua pemuzik bermula dari penyanyi yang berdiri di ruang paling hadapan pentas hinggalah kepada pemain dram yang duduk di posisi belakang orkestra. Perkara ini tidak





boleh dipandang ringan bagi memastikan persembahan dapat berkembang dengan baik dan positif.

1.2 Latar belakang kajian

Pendidikan muzik hari ini berkembang sangat pesat di serata dunia seiring dengan pesatnya perkembangan teknologi. Walau bagaimanapun, setiap negara memiliki kaedah yang berbeza dalam pengajaran dan pembelajaran muzik. Garnett (2013) mengatakan bahawa terdapat perbezaan antara belajar untuk membuat persembahan dengan alat muzik atau suara dengan belajar muzik. Perbezaan ini dapat dilihat dalam proses pengajaran dan pembelajaran muzik di serata dunia.

Oleh hal yang demikian, peranan guru sangat penting dalam usaha untuk mengembangkan kualiti pengajaran dan pembelajaran muzik. Seseorang guru muzik yang berjaya tidak hanya pandai dan menguasai kemahiran *conducting* dan membuat persembahan. Mereka juga perlu mempertimbangkan dan sensitif dengan isu yang berkaitan dengan pelajar sama ada yang berkaitan dengan sosial dan juga budaya (Kelly, 2015). Hal ini memberi gambaran bahawa tugas seseorang pengajar muzik bukan sahaja



untuk mengajar pelajar kemahiran muzik. Sebaliknya, seseorang pengajar muzik perlu peka dengan keadaan persekitaran pelajar. Oleh sebab itu, adalah penting bagi seorang guru untuk mempertimbangkan segala isu yang berlaku berkaitan dengan pelajar agar dapat membentuk satu pengajaran dan pembelajaran muzik yang bersifat seimbang.

Green (2017) mengatakan bahawa untuk menggabungkan pendidikan tidak formal dengan pendidikan formal adalah sukar. Hal ni kerana ia kelihatan bertentangan dengan sikap guru sebagai seorang profesional, dan juga mungkin bertentangan dengan kecenderungan penggubal dasar pendidikan muzik, terutamanya daripada segi kaedah pengajaran dan keperluan kokurikulum. Namun begitu, konflik yang berlaku dalam mempraktikkan hal ini boleh memperkenalkan sebuah kaedah kaedah pengajaran muzik yang segar, menarik dan membina kemahiran pelajar (Kelly, 2017).

Melalui penulisan Garnett (2013), Kelly (2015), dan Green (2017), dapat dilihat beberapa aspek berkaitan dengan pendidikan muzik terkini. Antara aspek yang dilihat adalah kepelbagaian kaedah pengajaran muzik, penglibatan guru dalam pengajaran dan juga teknik pengajaran yang mungkin kelihatan tidak normal atau baru. Penulisan Garnett (2013), Kelly (2015), dan Green (2017) membantu kajian ini kerana ia memberikan beberapa perspektif awal mengenai kaedah pengajaran dan juga memberikan pembayang kepada penyelidik mengenai aspek sumbangan kajian yang mungkin akan diperoleh di



hujung kajian ini. Selain daripada itu, melalui penulisan Garnett (2013), Kelly (2015), dan Green (2017) juga dapat dilihat memberikan isyarat bahawa kaedah untuk mengajar muzik tidak bersifat keras, tidak fleksibel atau tidak boleh diubah suai.

Oleh sebab itu, munculnya pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat fleksibel mengikut kemampuan tahap intelektual pelajar. Hal ini kerana setiap pelajar mempunyai tahap penguasaan pembelajaran yang berbeza-beza. Sebagai contoh, ada pelajar yang lemah, sederhana dan baik. Tidak wajar sama sekali jika seorang pendidik mahupun guru menggunakan pendekatan pengajaran yang sama dan tidak dinamik terhadap pelajar-pelajar ini.



1.3 Pernyataan Masalah

Satu senario yang dapat diperhatikan dalam kalangan pelajar Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, ialah mereka mempunyai latar belakang dan tahap kemahiran persembahan muzik yang berbeza-beza. Perkara ini dapat dilihat dalam kalangan pelajar Diploma Muzik mahupun pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan



Muzik. Dalam lain perkataan, terdapat jurang kemahiran persembahan muzik antara mereka semua.

Secara amnya, didapati bahawa pelajar muzik di Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dapat dibahagikan kepada beberapa kelompok mengikut tahap kemahiran persembahan mereka. Tahap yang dimaksudkan ini adalah tahap lemah, sederhana dan baik (Zamrus Hashim, komunikasi peribadi, 10 Mei, 2019). Para pelajar yang tergolong dalam kelompok yang lemah sering kali adalah mereka yang masih baru atau mempunyai pengalaman yang minimum dalam membuat persembahan sebelum memasuki Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bagi pelajar yang tergolong dalam kelompok sederhana pula, selalunya, mereka ini adalah kelompok yang pernah membuat persembahan di sekolah atau sudah berada di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris selama beberapa semester. Hal ini menjadikan mereka mampu membuat persembahan walaupun mempunyai kemahiran persembahan yang sederhana. Bagi pelajar yang berada dalam kelompok yang baik, mereka ini selalunya sudah sering kali terlibat dalam persembahan di dalam atau luar Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hal ini juga kerana mereka ini adalah tergolong daripada pelajar tahun akhir pengajian di peringkat Diploma Muzik mahupun di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Muzik (Zaharul Lailiddin, komunikasi peribadi, 3 Mei, 2019). Melalui



fenomena ini, dapat disimpulkan bahawa majoriti pelajar yang baru memasuki Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris akan mempunyai masalah kemahiran persembahan yang rendah, sama ada disebabkan oleh masih baru, tidak biasa atau kurang pengalaman.

Di samping itu juga, menerusi kedua-dua komunikasi peribadi tersebut juga mendapati bahawa jurang tahap kemahiran persembahan muzik pelajar ini berpunca daripada kurangnya penglibatan dalam aktiviti yang bersifat *hands-on* sama ada di peringkat fakulti mahupun di peringkat universiti dalam usaha mengembangkan kemahiran persembahan muzik pelajar. Oleh sebab itu, menurut pemerhatian dan sesi komunikasi peribadi tersebut, terdapat keperluan untuk mewujudkan sebuah platform baharu sebagai usaha untuk mengembangkan kemahiran persembahan muzik pelajar-pelajar Diploma Muzik berdasarkan pendekatan aktiviti yang bersifat *hands-on*. Secara spesifiknya, pendekatan aktiviti yang dimaksudkan adalah pendekatan kontekstual atau kata lain pendekatan yang mengaitkan antara isi kandungan pembelajaran dengan situasi sebenar kehidupan.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau potensi *busking* bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik dalam kalangan pelajar jurusan muzik. Secara spesifiknya objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1.4.1 Menenal pasti kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking* dari aspek :

- i. Muzikal
- ii. Bukan muzikal

1.4.2 Menjelaskan potensi *busking* sebagai aktiviti pengayaan dalam mengembangkan kemahiran persembahan muzik berdasarkan lapan komponen pendekatan kontekstual:-

- i. Membuat hubungan bermakna
- ii. Melakukan kerja penting
- iii. Mengawal selia pembelajaran sendiri
- iv. Kerjasama

- v. Pemikiran kritis dan kreatif
- vi. Memupuk individu
- vii. Mencapai standard yang tinggi
- viii. Menggunakan penilaian autentik

1.5 Persoalan Kajian


Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan berikut :

1.5.1 Apakah kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking* ?

1.5.2 Apakah potensi *busking* sebagai aktiviti pengayaan dalam mengembangkan kemahiran persembahan muzik berdasarkan pendekatan kontekstual?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah di bawah menunjukkan kerangka konseptual kajian.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian : Potensi *Busking* Sebagai Aktiviti Pengayaan Bagi Mengembangkan Kemahiran Persembahan Muzik Berdasarkan Pendekatan Kontekstual.

Rajah 1.1 merupakan kerangka konseptual kajian yang membantu dan memudahkan penyelidikan berjalan dengan baik. Berdasarkan kerangka konseptual ini, pendekatan koontekstual dipilih sebagai pendekatan untuk menjelaskan potensi *busking* sebagai aktiviti pengayaan bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik.

Pendekatan Kontesktual (*Contextual Teaching Learning*) atau (CTL) merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang membantu guru atau tenaga pengajar mengaitkan antara perkara yang dibelajar dengan situasi dunia sebenar (Johnson,2002). Dalam lain perkataan, pembelajaran yang diajarkan oleh guru adalah mengikut konteks alam pekerjaan yang akan dilalui oleh pelajar kelak. Dengan pendekatan ini, pelajar akan dapat mengaitkan pengetahuan yang dipelajari secara langsung dan lebih bermakna oleh kerana mereka alami sendiri ilmu dan pengalaman berdasarkan aktiviti yang mereka lakukan setiap hari.

Pendekatan kontekstual merupakan proses pendidikan yang bertujuan membantu pelajar untuk menjawab persoalan peri pentingnya mereka belajar sesuatu perkara untuk membantu menyelesaikan permasalahan dalam kehidupan seharian. Pendekatan ini dilihat jauh lebih baik dan signifikan untuk dipraktikkan di masa kini berbanding pendekatan-pendekatan konvensional yang lain. Oleh sebab itu, pendekatan kontekstual ini bukan sesuatu yang mudah untuk dipraktikkan kerana menuntut guru untuk menguasai strategi

menempatkan pelajar sebagai pusat pembelajaran dan guru sebagai fasilitator atau pemudah cara (Hutagaol,2013).

Dalam kajian ini, penyelidik melaksanakan kajian berdasarkan pendekatan kontekstual daripada Johnson (2002). Hal ini kerana hujah yang dinyatakan oleh Johnson selari dengan pendekatan kontekstual bagi memfokuskan proses pembelajaran yang akan dilalui oleh pelajar yang bakal terlibat dalam aktiviti *busking* kelak. Hal ini kerana menurut Johnson (2002), pendekatan kontekstual merupakan satu pendekatan bertunjangkan falsafah bahawa pelajar belajar sesuatu dengan melihat pembelajaran secara bermakna dalam bahan akademik yang disediakan oleh guru.

Terdapat lapan komponen dalam teori pendekatan kontekstual yang digariskan oleh Johnson (2002) yang diguna pakai oleh pengkaji sebagai garis pandu bagi menjalankan kajian ini. Kesemua komponen ini membantu pengkaji mengaitkan potensi aktiviti *busking* sebagai aktiviti pengayaan dan usaha bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik dan . Lapan komponen tersebut ialah :

- i. Membuat hubungan bermakna.
- ii. Melakukan kerja penting.
- iii. Mengawal selia pembelajaran sendiri.

- iv. Kerjasama
- v. Pemikiran kritis dan kreatif
- vi. Memupuk individu
- vii. Mencapai standard tinggi
- viii. Menggunakan penilaian autentik

Seterusnya, *busking* merupakan aktiviti yang menjadi tunjang penting dalam kajian yang ini. Ledakan aktiviti dan persembahan *busking* di banyak tempat di setiap pelusuk negeri di negara ini memberi cetusan idea untuk pengkaji membuat penyelidikan dengan lebih mendalam terhadap aktiviti ini. Hal ini juga kerana, aktiviti ini bukan sahaja dilihat sebagai satu persembahan muzik semata-mata malahan aktiviti ini berkembang menjadi satu punca pendapatan yang lumayan oleh kerana mempunyai nilai komersilnya yang tersendiri. Selain itu juga, *busking* juga dilihat sebagai platform baharu kepada pemuzik-pemuzik baru untuk berjinak-jinak mengasah bakat dalam bidang persembahan muzik. Oleh sebab itu, aktiviti *busking* dilihat sesuai dan dapat memberi harapan yang cerah untuk dijadikan sebagai aktiviti pengayaan bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik.

Seterusnya, pengayaan dilihat sebagai satu jalan untuk menjadikan *busking* ini sebagai aktiviti tambahan bagi mengembangkan kemahiran persembahan muzik pelajar.

Hal ini kerana menurut penulisan Noriah, Hamidah dan Mohd. Nazri (2009), aktiviti pengayaan diwujudkan bertujuan untuk memupuk minat pelajar untuk terus belajar. Selain itu juga, aktiviti pengayaan juga bertujuan mengasah bakat sedia ada pelajar serta dapat mengembangkan kemahiran. Dalam masa yang sama, aktiviti pengayaan juga bertujuan untuk meningkatkan pencapaian pelajar.

Seterusnya, perkara penting yang dilihat dalam kajian ini adalah kemahiran persembahan muzik yang dapat dikuasai menerusi aktiviti *busking*. Terdapat dua kategori perkara yang ingin diperkembangkan dalam kemahiran persembahan muzik iaitu kemahiran persembahan dari aspek muzikal dan bukan muzikal. Sebagai contoh, kemahiran muzik Kesemua aspek kemahiran persembahan muzik ini akan menjadi garisan untuk menjelaskan kelebihan dan faedah daripada aktiviti *busking*.

Akhir sekali, potensi aktiviti *busking* sebagai aktiviti pengayaan bagi meningkatkan kemahiran persembahan muzik dijelaskan berdasarkan kelapan-lapan komponen pendekatan kontekstual iaitu i) membuat hubungan bermakna, ii) melakukan kerja penting, iii) mengawal selia pembelajaran sendiri, iv) kerjasama, v) pemikiran kritis dan kreatif, vi) memupuk individu, vii) mencapai standard yang tinggi, dan viii) menggunakan penilaian autentik bagi menjawab kesemua persoalan kajian.



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat membantu usaha berterusan bagi mencari kaedah-kaedah baharu bagi mengembangkan keberkesanan untuk mendapatkan hasil pengajaran dan pembelajaran yang paling optimum. Selain itu juga, melalui kajian ini diharapkan kaedah-kaedah baharu dapat dicadangkan dalam usaha mencari pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan sesuai dengan generasi pelajar yang baru khususnya dalam kalangan Generasi Y dan Z. Seterusnya, diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu tenaga pengajar di Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan dalam pencarian kaedah-kaedah baharu pengajaran dan menambah lagi kaedah yang sedia ada bagi membantu proses pembelajaran pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Di samping itu juga, hal ini diharapkan menjadi aktiviti pengukuhan dan latihan tambahan kepada pelajar dalam usaha menggilap kemahiran persembahan individu mahupun kemahiran persembahan berkumpulan. Sekiranya kajian ini berjaya dijalankan, diharapkan aktiviti ini seterusnya menjadi rujukan para pentadbir Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai asas untuk memperkenalkan silibus dan kaedah baharu dalam pengajaran muzik di Fakulti Muzik dan Seni Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





1.8 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan yang akan dibina untuk kajian ini. Batasan yang dimaksudkan ini terdiri batasan lokasi, batasan subjek dan informan serta batasan skop kajian. Dalam bahagian ini, batasan-batasan ini akan dibincangkan.

1.8.1 Bagi batasan lokasi, kajian akan dilakukan di sekitar Tanjung Malim sahaja.

Kajian ini tidak akan melakukan di luar kawasan Tanjung Malim. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya masalah percampuran dapatan kajian yang diperoleh di Tanjung

Malim dengan lokasi lain.



1.8.2 Bagi batasan subjek, hanya pelajar Diploma Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris sahaja yang akan mengikuti kajian ini dan hanya pelajar yang masih menduduki Kursus Aplikasi Muzik sahaja dipilih. Bagi batasan informan, hanya pensyarah Kursus Aplikasi Muzik sahaja yang akan bersama mengikuti kajian ini. Pelajar dan pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris dari fakulti yang berlainan tidak akan digunakan sebagai subjek dan informan kajian ini.

1.8.3 Bagi batasan skop kajian pula, kajian ini akan memfokuskan kepada aktiviti *busking* bagi mengembangkan kemahiran persembahan pelajar Fakulti Muzik dan Seni





Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris sahaja. Hal ini bermakna, tiada aspek lain yang akan dikaji seperti penerimaan masyarakat terhadap aktiviti *busking* atau kesan sosioekonomi daripada aktiviti *busking*.

1.9 Definisi Istilah

Istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan di bawah:



1.9.1 Potensi

Potensi merupakan satu kata nama yang memberi maksud kemampuan atau keupayaan untuk mencapai sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Potensi dalam kajian ini adalah sesuatu bentuk sumber daya atau kemampuan yang besar namun daya tersebut masih yang belum diaktifkan lagi.

1.9.2 *Busking*

Busking merupakan perkataan Bahasa Inggeris yang membawa maksud aktiviti persembahan yang dilakukan oleh seniman jalanan yang terdiri daripada penyanyi atau





pemuzik, pelakon atau pelawak. Dalam konteks kajian ini, *busking* yang dimaksudkan ialah aktiviti persembahan jalanan yang dilakukan oleh penyanyi atau pemuzik.

1.9.3 Pengayaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan pengayaan sebagai perihal (usaha, proses, dsb) mengayakan, misalnya mengayakan atau meluaskan kosa kata. Pengayaan merupakan aktiviti tambahan kepada aktiviti asas pembelajaran.

1.9.4 Kemahiran Persembahan



Kemahiran persembahan membawa maksud seberapa bagus sesuatu persembahan dipertontonkan (Klickstein,2009). Dalam konteks kajian ini pula, kemahiran persembahan yang dimaksudkan ialah kemahiran persembahan muzik atau nyanyian.

1.9.5 Kemahiran Muzikal

Kemahiran muzikal dalam konteks kajian ini membawa maksud kemahiran yang mempunyai unsur muzik seperti kemahiran bermain alat muzik, penguasaan teknik, kualiti ton, ekspresi dan sebagainya.





1.9.6 Kemahiran Bukan Muzikal

Kemahiran bukan muzikal dalam konteks kajian ini membawa maksud kemahiran yang tiada berunsur muzik seperti kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal.

1.9.7 Kontekstual

Kontekstual bermaksud berkaitan dengan atau mengikut konteks (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kontekstual yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pendekatan kontekstual iaitu satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengaitkan kandungan pengajaran dengan situasi kehidupan sebenar.

1.10 Rumusan

Bab 1 kajian ini telah menghuraikan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif, persoalan, dan kerangka konseptual kajian. Di samping itu juga, kepentingan dan batasan kajian serta definisi istilah turut diberikan. Dalam bab seterusnya akan dibincangkan tinjauan literatur dan metodologi kajian yang dicadangkan.

